

04/01/1997

Roboh bangunan hapus imej Arqam

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Tindakan meroboh beberapa struktur bangunan di perkampungan al-Arqam Sungai Penchala di sini pagi ini bukan bermaksud menzalimi penghuninya, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Menurutnya, tindakan bertujuan menghapuskan sebarang imej menggambarkan kumpulan itu atau menimbulkan semangat pengikut tertentu untuk menghidupkan semula kumpulan berkenaan.

"Ketua di perkampungan itu turut memberi persetujuan bangunan berkenaan diroboh selain ia ada kaitan dengan undang-undang tanah. Kerajaan juga berusaha membantu penghuni rumah yang diroboh mendapat tinggal lain.

"Rumah tertentu di Sungai Penchala tidak wajar dikekalkan manakala yang lain akan dibuka kepada penduduk lain.

"Saya berharap seluruh masyarakat bertenang dan memahami keadaan ini kerana bukan kita menjalankan kezaliman kerana bagi penghuni yang terbabit kita berusaha mendapatkan tempat tinggal lain," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengiringi Menteri Hal-Ehwal Haji Arab Saudi, Dr Mahmud Mohamad Safar, menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Jabatan Perdana Menteri di sini, pagi ini.

Dr Abdul Hamid berkata, kerajaan mahu memastikan ajaran yang difatwakan sebagai salah tidak wujud di negara ini.

"Kerajaan mahu memastikan pertubuhan Al-Arqam dan penyebaran fahamannya tidak berlaku lagi di kalangan masyarakat kita. Ertinya tidak ada pengikut baru atau ada usaha menghidupkan kumpulan itu di kalangan bekas ahlinya," katanya.

Beliau berkata setakat ini tidak ada bekas pengikut cuba menghidupkan semula gerakan Al-Arqam malah mereka yang menghadiri kursus pemulihan sudah dapat berinteraksi dengan penceramah dan masyarakat sekeliling.

"Ramai yang mengaku kesilapan secara terbuka dan paling ketara anak mereka yang bersekolah dapat melupakan cara kehidupan lama dan menyesuaikan diri dengan rakan baru," katanya.

Dr Abdul Hamid berkata, tindakan meroboh akan disusuli di perkampungan Al-Arqam lain di seluruh negara.

"Ini bagi memastikan tidak wujud perkampungan eksklusif kalangan bekas pengikut kumpulan Al-Arqam sebaliknya mereka perlu dibawa kepada hala kehidupan bermasyarakat," katanya.

(END)